



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 13 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN

PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK SALURAN BITARA

DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Bahagian Hal Ehwal Akademik
13 Ogos 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

13 Ogos 2024

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 13 TAHUN 2024

**GARIS PANDUAN
PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK SALURAN BITARA
DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-236 Bilangan 8/2024 yang bersidang pada 13 Ogos 2024 telah meluluskan Garis Panduan Penawaran Program Akademik Saluran Bitara di Universiti Pendidikan Sultan Idris.


2.0 LATAR BELAKANG

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kepada pihak berkepentingan mengenai prosedur penawaran program akademik di bawah saluran komersial/ terbuka di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dinamakan sebagai Saluran Bitara.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertarikh 18 Januari 2024 dengan rujukan JPT.S(G)2000/025/02 Jld (42) bertajuk Penetapan Had Enrolmen Pelajar Prasiswa Universiti Awam (Warganegara dan Bukan Warganegara) di Bawah Saluran Komersial yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah mendapat perakuan dan kelulusan dari UPSI seperti berikut:
 - i. Mesyuarat Jawatankuasa Pengiktirafan Kali Ke-27 Bil. 3/2024 bertarikh 9 Mei 2024
 - ii. Mesyuarat Senat Kali Ke-233 Bil. 5/2024 bertarikh 14 Mei 2024
 - iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke-151 Bil. 3/2024 bertarikh 27 Jun 2024
- 3.2 Surat berkenaan memaklumkan bahawa KPT telah memberikan ketetapan kepada pihak Universiti Awam untuk menggunakan saluran komersial untuk tujuan sumber pendapatan alternatif.
- 3.3 Pihak KPT telah bersetuju dengan ketetapan dasar bahawa tiada had maksimum yang ditetapkan bagi enrolmen pelajar prasiswa UA (warganegara dan bukan warganegara) di bawah saluran komersial, namun tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - 3.3.1 Pengambilan dan enrolmen pelajar di bawah Saluran Perdana menerusi Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (UPU), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) atau bahagian yang menguruskan hal ehwal akademik di peringkat UA hendaklah kekal dan tidak boleh kurang daripada tahun sebelumnya bagi memastikan akses pelajar prasiswa warganegara tidak terjejas.

- 3.3.2 Pengambilan dan enrolmen pelajar di bawah Saluran Komersial perlu berdasarkan kepada prinsip “over and above” dan tidak menjelaskan unjuran yang diperuntukkan di bawah Saluran Perdana;
- 3.3.3 Sebarang pertambahan enrolmen pelajar Saluran Komersial hendaklah tertakluk kepada kapasiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* atau *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* bagi memastikan kualiti pendidikan tinggi yang ditawarkan tidak terjejas.
- 3.3.4 Syarat-syarat berkenaan diterangkan secara terperinci dalam surat JPT.S(G)2000/025/02 Jld.5 (42) bertarikh 18 Januari 2024 seperti berikut:



4.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan Garis Panduan Penawaran Program Akademik Saluran Bitara di Universiti Pendidikan Sultan Idris seperti di **Lampiran A**.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 13 Ogos 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



(SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 13 Ogos 2024

LAMPIRAN A



GARIS PANDUAN

PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK SALURAN BITARA DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Oleh:
Bahagian Hal Ehwal Akademik
2024

**GARIS PANDUAN PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK SALURAN BITARA
DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kepada pihak berkepentingan mengenai prosedur penawaran program akademik Saluran Bitara di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertarikh 18 Januari 2024 dengan rujukan JPT.S(G)2000/025/02 Jld (42) bertajuk Penetapan Had Enrolmen Pelajar Prasiswa Universiti Awam (Warganegara dan Bukan Warganegara) di Bawah Saluran Komersial yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah mendapat kelulusan dari UPSI seperti berikut:-
- i) Mesyuarat Jawatankuasa Pengiktirafan Kali Ke-27 Bil. 3/2024 bertarikh 9 Mei 2024
 - ii) Mesyuarat Senat Kali Ke-233 Bil. 5/2024 bertarikh 14 Mei 2024
 - iii) Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke-151 Bil. 3/2024 bertarikh 27 Jun 2024
- 2.2 Surat berkenaan memaklumkan bahawa KPT telah memberikan ketetapan kepada pihak Universiti Awam untuk menggunakan saluran komersial di dalam kampus untuk tujuan sumber pendapatan alternatif.
- 2.3 Bengkel Garis Panduan Program Akademik Saluran Bitara Di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah diadakan pada 12 Julai 2024 bertempat di Scholar Suites, UPSI dan telah dihadiri oleh Pengarah Akademik, Dekan-dekan Fakulti dan Institut Pengajian Siswa (IPS), UPSI Holdings Sdn Bhd (UHSB), Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), dan Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI).
- 2.4 Pihak KPT telah bersetuju dengan ketetapan dasar bahawa tiada had maksimum yang ditetapkan bagi enrolmen pelajar prasiswa UA (warganegara dan bukan warganegara) di bawah saluran komersial, namun tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:-
- 2.4.1 Pengambilan dan enrolmen pelajar di bawah Saluran Perdana menerusi Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (UPU), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) atau bahagian yang menguruskan hal ehwal akademik di peringkat UA hendaklah kekal dan tidak boleh kurang daripada tahun sebelumnya bagi memastikan akses pelajar prasiswa warganegara tidak terjejas.
 - 2.4.2 Pengambilan dan enrolmen pelajar di bawah Saluran Komersial perlu berdasarkan kepada prinsip “over and above” dan tidak menjaskan unjuran yang diperuntukkan di bawah Saluran Perdana.

- 2.4.3 Sebarang pertambahan enrolmen pelajar Saluran Komersial hendaklah tertakluk kepada kapasiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* atau *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* bagi memastikan kualiti pendidikan tinggi yang ditawarkan tidak terjejas.
- 2.4.4 Syarat-syarat berkenaan diterangkan secara terperinci dalam surat JPT.S(G)2000/025/02 Jld.5 (42) bertarikh 18 Januari 2024 seperti berikut:-



3. PROSEDUR

3.1 Definisi

| BIL. | KATEGORI | PENERANGAN |
|------|------------------|---|
| 1. | Akreditasi Penuh | Akreditasi Penuh adalah satu proses penilaian untuk memastikan kegiatan pembelajaran, pengajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan sesuatu program yang ditawarkan oleh sesebuah UA telah memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualifications Framework, MQF</i>) dan menepati standard kualiti dalam Kod Amalan Akreditasi Program (<i>Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA</i>), standard program atau keperluan badan profesional dan dasar-dasar semasa jaminan kualiti pendidikan tinggi. |
| 2. | Enrolmen | Bilangan pelajar yang mendaftarkan diri sebagai pelajar di institusi. |
| 3. | Program | Susunan kursus yang distrukturkan untuk suatu tempoh dan peringkat pembelajaran tertentu bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan. |

| | | |
|----|--------------------------|--|
| 4. | Saluran Bitara | Kemasukan pelajar prasiswazah selain Saluran Perdana dan membayar yuran pada harga komersial tanpa subsidi. |
| 5. | Prinsip "over and above" | Jumlah pengambilan yang telah ditetapkan atau lebih daripada jumlah tersebut, atau sebagai tambahan dari apa yang sudah ada. |
| 6. | Saluran Perdana | Saluran kemasukan pelajar baru melalui Sistem UPUOnline yang diuruskan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. |

3.2 Syarat program

- 3.2.1 Program yang ditawarkan adalah Diploma dan Sarjana Muda/Sarjana Muda Pendidikan secara sepenuh masa yang telah mendapat Akreditasi Penuh sahaja.
- 3.2.2 Program yang ditawarkan telah mendapat kelulusan Senat dan mencukupi jumlah minimum untuk ditawarkan semester seterusnya.
- 3.2.3 Pengambilan dan enrolmen pelajar perlu berdasarkan kepada prinsip "over and above" dan tidak menjelaskan unjuran yang diperuntukkan di bawah Saluran Perdana.
- 3.2.4 Sebarang pertambahan enrolmen adalah tertakluk kepada kuota pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh Kerajaan/ Universiti/ Fakulti/ PTj/ badan profesional/ akreditasi program akademik.

3.3 Status pelajar

- 3.3.1 Bagi ambilan September/Okttober, calon perlu memohon melalui UPU dan UPSI. Manakala bagi ambilan Februari/Mac/khas, calon perlu memohon secara terus dalam talian melalui UPSI.
- 3.3.2 Calon perlu memenuhi syarat kemasukan bagi program yang dimohon.
- 3.3.3 Pelajar boleh menggunakan perkhidmatan dan kemudahan di dalam Universiti seperti pelajar Saluran Perdana.
- 3.3.4 Pelajar tertakluk kepada peraturan akademik, dasar dan prosedur yang ditetapkan seperti pelajar Saluran Perdana.
- 3.3.5 Pelajar akan mendapat *privilege card UPSI yang boleh diguna sama bersama keluarga. (*rujuk Jabatan Bendahari)
- 3.3.6 Pelajar akan/boleh menyertai mobiliti program antarabangsa.
- 3.3.7 Pelajar boleh memohon pinjaman pendidikan dan bantuan kewangan yang lain.

3.4 Pengurusan akademik

3.4.1 Permohonan

- a) Calon perlu memohon secara dalam talian setelah semua urusan temu duga ambilan perdana selesai.
- b) Calon perlu membuat permohonan mengikut ambilan dan semester seperti berikut:-

| BIL. | PERMOHONAN AMBILAN SEPTEMBER/OKTOBER | PERMOHONAN AMBILAN FEBRUARI/ MAC | PERMOHONAN PROGRAM KHAS |
|------|--|--|--|
| 1. | Dimohon melalui Sistem UPUonline, DAN secara terus dalam talian di UPSI. | Dimohon secara terus dalam talian di UPSI. | Dimohon secara terus dalam talian di UPSI. |

3.4.2 Promosi dan kemasukan

| BIL. | PERMOHONAN AMBILAN SEPTEMBER/OKTOBER | | PERMOHONAN AMBILAN FEBRUARI/ MAC | PERMOHONAN AMBILAN KHAS |
|-------------------------------------|--|---|--|---|
| | Permohonan melalui sistem UPU | Permohonan secara terus ke UPSI | Permohonan secara terus ke UPSI | |
| Promosi | | | | |
| a) | BHEA menguruskan promosi dan pengiklanan. | UHSB menguruskan promosi dan pengiklanan. | UHSB menguruskan promosi dan pengiklanan. | Bagi ambilan khas Fakulti/PTj/UHSB menguruskan promosi dan pengiklanan. |
| b) | BHEA akan mendapatkan calon pelajar. | UHSB akan mendapatkan calon pelajar. | UHSB akan mendapatkan calon pelajar. | Bagi ambilan khas Fakulti/PTj/UHSB akan mendapatkan calon pelajar. |
| Pengurusan pemilihan pelajar | | | | |
| c) | Pengurusan pemilihan pelajar diuruskan oleh BHEA seperti berikut (bagi program SMP sahaja):- <ul style="list-style-type: none"> i) panggilan ujian MEdSI, ii) panggilan temu duga, iii) temu duga akan diuruskan oleh BHEA dan Fakulti/PTj iv) ujian khas; v) surat lantikan panel temu | Pengurusan pemilihan pelajar diuruskan oleh UHSB dan Fakulti/PTj seperti berikut (selain program SMP); <ul style="list-style-type: none"> i) surat panggilan temu duga oleh UHSB; ii) surat panggilan ujian khas oleh UHSB; iii) temu duga diuruskan oleh Fakulti/PTj; | Pengurusan pemilihan pelajar diuruskan oleh UHSB dan Fakulti/PTj seperti berikut; <ul style="list-style-type: none"> i) surat panggilan ujian MEdSI diuruskan oleh BHEA; ii) surat panggilan temu duga oleh Fakulti/PTj/ UHSB; iii) surat panggilan ujian khas oleh UHSB; | Pengurusan pemilihan pelajar diuruskan oleh Fakulti/PTj/UHSB seperti berikut; <ul style="list-style-type: none"> i) surat panggilan ujian MEdSI diuruskan oleh BHEA; ii) surat panggilan temu duga oleh Fakulti/PTj/ UHSB; iii) surat panggilan ujian khas oleh Fakulti/PTj/ UHSB; |

| BIL. | PERMOHONAN AMBILAN SEPTEMBER/OKTOBER | | PERMOHONAN AMBILAN FEBRUARI/ MAC | PERMOHONAN AMBILAN KHAS |
|------|---|---|---|---|
| | Permohonan melalui sistem UPU | Permohonan secara terus ke UPSI | Permohonan secara terus ke UPSI | |
| | duga dan lain-lain yang berkaitan dengan kemasukan SMP. vi) Fakulti/PTj memilih panel temu duga/ ujian khas dan memperakukan calon. | iv) ujian khas diuruskan oleh Fakulti/PTj; v) Fakulti/PTj memilih panel temu duga/ ujian khas dan memperakukan calon. vi) surat lantikan panel temu duga dikeluarkan oleh UHSB dan lain-lain yang berkaitan. | iv) temu duga diuruskan oleh Fakulti/PTj; v) ujian khas diuruskan oleh Fakulti/PTj. vi) Fakulti/PTj memilih panel temu duga/ ujian khas dan memperakukan calon. | iv) temu duga diuruskan oleh Fakulti/PTj/ UHSB; v) ujian khas diuruskan oleh Fakulti/PTj/ UHSB; vi) surat lantikan panel temu duga dikeluarkan oleh Fakulti/PTj/ UHSB dan lain-lain yang berkaitan. vii)Fakulti/PTj memilih panel temu duga/ ujian khas dan memperakukan calon. |
| d) | Ujian MEdSI (jika program yang ditawarkan adalah Sarjan Muda Pendidikan) | | | |
| | Ujian MEdSI diuruskan oleh BHEA . | | | |
| e) | Pendaftaran | | | |
| | Pelajar mendaftar mengikut takwim yang ditetapkan. | Pelajar mendaftar selewat-lewatnya pada minggu ketiga kuliah bersama-sama pelajar rayuan Saluran Perdana. | Pelajar mendaftar mengikut takwim yang ditetapkan. | Pelajar mendaftar mengikut takwim yang ditetapkan. |
| f) | Pertukaran program | | | |
| | Permohonan pertukaran program pengajian adalah mulai semester kedua hingga semester keempat pengajian sahaja (hanya untuk program yang ditawarkan melalui saluran ini sahaja). Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar akan mengikuti | Permohonan pertukaran program pengajian adalah mulai semester kedua hingga semester keempat pengajian sahaja (hanya untuk program yang ditawarkan melalui saluran ini sahaja). Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar akan mengikuti | Pertukaran program adalah tidak dibenarkan. | |

| BIL. | PERMOHONAN AMBILAN SEPTEMBER/OKTOBER | | PERMOHONAN AMBILAN FEBRUARI/ MAC | PERMOHONAN AMBILAN KHAS |
|------|--|--|--|--|
| | Permohonan melalui sistem UPU | Permohonan secara terus ke UPSI | Permohonan secara terus ke UPSI | |
| | sahaja. Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar akan mengikuti program baharu pada semester berikutnya. | program baharu pada semester berikutnya. | | |
| | Surat Tawaran | | | |
| g) | BHEA mengeluarkan surat tawaran setelah syarat kemasukan dipenuhi. Surat tawaran akan dikeluarkan selepas minggu rayuan Saluran Perdana selesai. | BHEA mengeluarkan surat tawaran setelah syarat kemasukan dipenuhi. | BHEA mengeluarkan surat tawaran setelah syarat kemasukan dipenuhi. | BHEA mengeluarkan surat tawaran setelah syarat kemasukan dipenuhi. |
| h) | Syarat kemasukan masih tertakluk kepada syarat kemasukan Saluran Perdana. | | | |
| i) | JHEPA akan menguruskan hari orientasi pelajar. | | | Fakulti/PTJ akan menguruskan hari pendaftaran pelajar. |
| j) | Kod program bagi saluran ini adalah berbeza dari kod program Saluran Perdana bagi membezakan kadar bayaran dan kumpulan kuliah. | | | |

Nota : Selain daripada perkara seperti di atas, pelajar dan syarat-syarat kemasukan masih tertakluk kepada garis panduan dan prosedur pelajar Saluran Perdana.

3.4.3 Pendaftaran

A) Pendaftaran semester

- i) Pelajar perlu mendaftar semester mengikut peraturan yang berkuat kuasa setiap semester setelah menyelesaikan bayaran pengajian.

Nota : Pelajar dan Fakulti/PTJ masih tertakluk pada semua prosedur dan garis panduan seperti Saluran Perdana.

B) Pendaftaran kursus

- i) Pelajar perlu mendaftar kursus mengikut peraturan yang berkuat kuasa setiap semester dan berdasarkan pakej semakan program yang terkini. Fakulti/PTJ perlu mengemaskinikan struktur program di sistem UniSIS.

- ii) Pelajar didaftarkan mengikut kumpulan yang berbeza daripada pelajar program Saluran Perdana dengan syarat memenuhi jumlah minimum 25 orang bagi satu kursus dan satu program.
- iii) Bagi program khas, BHEA akan mendaftarkan kursus-kursus pelajar secara pakej setelah dimaklumkan oleh Fakulti/PTJ.

Nota : Pelajar dan Fakulti/PTJ masih tertakluk pada semua prosedur dan garis panduan seperti Saluran Perdana.

C) Jadual kuliah

- i) Minimum jumlah pelajar dalam satu kohort adalah **25 orang**. Jika pelajar mencapai jumlah minimum bagi satu kumpulan bagi satu program:-
 - (a) Pelajar akan menggunakan bilik kuliah/makmal dan lain-lain bilik yang disediakan oleh Fakulti/PTJ termasuk kursus Universiti.
 - (b) BHEA akan membuat penjanaan jadual kuliah menggunakan nama Fakulti/PTJ sahaja dan bukan mengikut nama bilik kuliah.
- ii) Jika tidak mencapai jumlah minimum, pelajar akan didaftarkan ke dalam kumpulan Saluran Perdana dan tiada bayaran akan dibayar kepada pensyarah.
- iii) Bagi program khas, jumlah minimum pelajar adalah tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui.

Nota : Pelajar dan Fakulti/PTJ masih tertakluk pada semua prosedur dan garis panduan seperti Saluran Perdana.

3.4.4 Peperiksaan

Pelajar dan Fakulti/PTJ tertakluk pada semua prosedur dan garis panduan seperti Saluran Perdana. Rujuk garis panduan yang berkuat kuasa.

3.4.5 Pengijazahan

Pelajar dan Fakulti/PTJ tertakluk pada semua prosedur dan garis panduan seperti Saluran Perdana. Rujuk garis panduan yang berkuat kuasa.

3.4.6 Latihan Mengajar/ Latihan Industri

Pelajar dan Fakulti/PTJ tertakluk pada semua prosedur dan garis panduan seperti Saluran Perdana. Rujuk garis panduan di PULAMI yang berkuat kuasa.

3.5 Tenaga Pengajar

- i) Tenaga pengajar yang mengajar masih tertakluk kepada prinsip “over and above” dari beban tugas yang ditetapkan.
- ii) Tenaga pengajar yang mengajar/menyelia akan dibayar mengikut kadar yang ditetapkan Universiti seperti di **Lampiran i**.
- iii) **Fakulti/PTJ** perlu melantik seorang Penyelaras Program (berbayar – peruntukan Fakulti/PTJ) mengikut program dan bertanggungjawab untuk menguruskan segala urusan akademik pelajar bermula daripada pendaftaran pelajar, peperiksaan sehingga pelajar tamat pengajian.
- iv) **UHSB** akan menguruskan pembayaran kepada Penyelaras dan tenaga pengajar.

- v) Bagi program khas, Fakulti/PTJ akan menguruskan pelantikan dan pembayaran tenaga pengajar yang telah diluluskan Universiti.
- vi) Tenaga pengajar

3.6 Pengurusan pelajar

Pelajar dan Fakulti/PTJ tertakluk pada semua prosedur dan garis panduan seperti Saluran Perdana. Rujuk garis panduan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang berkuat kuasa.

3.7 Kadar bayaran program

- 3.7.1 Kadar bayaran program adalah berbeza daripada program Saluran Perdana kerana bayaran yang dikenakan adalah kos sebenar (tanpa subsidi). Perincian kos (kecuali program khas) adalah seperti di **Jadual i**.
- 3.7.2 Kadar bayaran adalah sama bagi semua program dan aliran.
- 3.7.3 Kadar bayaran yang dikenakan kepada pelajar akan dicaj oleh **Jabatan Bendahari** sebelum bermula semester berdasarkan data pelajar daripada BHEA dan takwim akademik pengajian.
- 3.7.4 Pemberian diskaun kepada pelajar yang membayar keseluruhan kadar bayaran adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pesisir akan diuruskan oleh **Jabatan Bendahari**.
- 3.7.5 Pelajar boleh memohon penangguhan kadar bayaran dengan membuat permohonan melalui **Jabatan Bendahari**.
- 3.7.6 Bayaran yang dikenakan perlu dibayar ke UPSI sebelum pelajar mendaftar dan tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Hutang Pelajar UPSI. **UHSB** perlu memastikan pelajar membayar bayaran yang ditetapkan dalam tempoh yang ditetapkan kepada Bendahari UPSI.
- 3.7.7 Tindakan kepada pelajar yang gagal membayar yuran adalah tertakluk seperti Garis Panduan Pengurusan Hutang Pelajar UPSI.
- 3.7.8 Pelajar yang menarik diri dan telah membayar kadar bayaran layak mendapat bayaran balik tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Hutang Pelajar UPSI. Sekiranya terdapat bayaran balik, bagi bahagian yang diserahkan kepada UHSB akan diselaraskan dengan tuntutan bayaran seterusnya.
- 3.7.9 Peraturan kewangan berkaitan penangguhan pengajian adalah tertakluk seperti Garis Panduan Pengurusan Hutang Pelajar UPSI.
- 3.7.10 *Pembahagian hasil penjanaan adalah mengikut persetujuan yang telah diluluskan oleh Universiti seperti berikut:-
UPSI – 20%

BHEA – 5%

Bendahari – 2%

UHSB – 3%

***Tertakluk kepada perubahan yang diluluskan oleh Universiti dari semasa ke semasa**

3.7.11 *Pembahagian keuntungan adalah mengikut persetujuan yang telah diluluskan oleh Universiti seperti berikut:-

Fakulti – 70%

UHSB - 30%

***Tertakluk kepada perubahan yang diluluskan oleh Universiti dari semasa ke semasa**

4. Garis Panduan ini perlu dibaca bersama pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa di UPSI.